

TEKS UCAPAN

Y.BHG. PROF. DR. SHAHRIN BIN SAHIB

NAIB CANSELOR

**MAJLIS PENYERAHAN DOKUMEN PERJANJIAN KONSESI
BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN ASRAMA 5,000 PELAJAR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA SECARA INISIATIF
PEMBIAYAAN SWASTA MELALUI KAEDAH TENDER REQUEST
FOR PROPOSAL**

**05 SEPTEMBER 2014 (JUMAAT)
BILIK JAMUAN , AUDITORIUM**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara pengerusi majlis

Y. Brs. Encik Abdul Jalil bin Jamadilakhir

Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri
(UKAS, JPM)

Y. Brs. Tuan Haji Rosli bin Isa

Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan
Malaysia (KPM)

Y.Bhs Tuan Haji Wan Azman Kamal

Pengarah Urusan Syarikat Nadi Cergas Sdn. Bhd.

YBhg. Tan Sri Dato' Ir. Dr. Haji Ahmad Zaidee Bin Ladin.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Pegawai-Pegawai Kanan UTeM

Majlis Perwakilan Pelajar

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Assalamualaikum Wrt Wbt dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah memberi kesempatan untuk berhimpun dalam Majlis Penyerahan Dokumen Perjanjian Konsesi bagi Cadangan Pembangunan Asrama 5,000 Pelajar pada petang yang berbahagia ini.

2. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian pihak Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS), Bahagian Pembangunan KPM, Syarikat Nadi Cergas Sdn. Bhd. dan Pengurus Lembaga Pengarah Universiti di atas kesudian hadir bersama ke majlis ini.

Hadirin & Hadirat yang dihormati sekalian,

3. Hari ini merupakan detik yang amat berharga kerana sebentar lagi kita akan menyaksikan penyerahan dokumen perjanjian konsesi bagi cadangan pembangunan asrama 5,000 pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka secara inisiatif pembiayaan swasta melalui kaedah *tender request for proposal*.
4. Sebagaimana sedia maklum, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menjangkau usia 14 tahun sejak penubuhannya pada tahun 2000. Sehingga kini, pembangunan fizikal keseluruhan kawasan universiti seluas 720 ekar di Mukim Durian Tunggal telah mencapai 90% komponen di bawah Rancangan Malaysia Ke Lapan

(RMK 8), Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK 9) dan Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK 10).

5. Bermula dengan kemasukan kumpulan pelajar pra siswazah sulung pada semester 1 2001/2002 seramai 349 orang, kini dalam meniti usia penubuhan melebihi satu dekad, UTeM telah mempunyai pelajar seramai 12,750 orang di peringkat pengajian Pra Siswazah dan Pasca Siswazah.
6. UTeM kini beroperasi di 3 kampus iaitu Kampus Induk Durian Tunggal yang menumpukan pengajian dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat serta menempatkan majoriti 4 fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Kejuruteraan Pembuatan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan turut di sokong oleh pusat-pusat

akademik dan pentadbiran utama universiti. Manakala, Kampus Teknologi di Air Keroh menumpukan pengajian dalam bidang Teknologi Kejuruteraan yang mempunyai bilangan pelajar teramai pada masa kini dan Kejuruteraan Mekanikal. Kampus Bandar di Jalan Hang Tuah Bandar Melaka pula menumpukan pengajian di bidang Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan serta program-program pembelajaran sepanjang hayat.

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian,

7. Keperluan asrama pelajar merupakan keutamaan semenjak dari peringkat awal perancangan pembangunan universiti bagi memastikan pelajar universiti yang merupakan pemegang taruh utama universiti mendapat perkhidmatan terbaik dan kemudahan

yang kondusif. Pada masa kini, pihak Universiti menampung keperluan penempatan asrama pelajar di mana pelajar-pelajar Tahun Satu dan Tahun Dua diwajibkan tinggal di asrama.

8. Dengan siap terbinanya Kolej Kediaman Lestari di Kampus Induk dengan kapasiti 1,020 pelajar yang dilaksanakan secara Inisiatif Pembiayaan Swasta pada Oktober 2012 lalu telah memberikan sedikit kelegaan dan menyelesaikan isu penginapan namun masih tidak dapat menampung keperluan sebenar . Walau bagaimanapun, bagi memenuhi keperluan semasa penginapan pelajar dan kekangan pilihan yang terhad dalam mendapatkan tempat yang bersesuaian, Universiti masih menyewa bangunan-bangunan asrama secara sementara di beberapa lokasi di sekitar Bukit Beruang, Durian Tunggal dan Air Keroh. Bagi memudahkan perjalanan para

pelajar, pihak universiti telah menyediakan perkhidmatan shuttle bas dari kolej kediaman ke Kampus dan sebaliknya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

9. Usaha berterusan UTeM dalam menyediakan kemudahan prasarana kediaman kepada para pelajar diteruskan dengan perancangan untuk membangunkan asrama di dalam kawasan kampus bagi mengurangkan kos penyewaan dan lojistik. Alhamdulillah, dengan izin Yang Maha Esa, akhirnya hasrat UTeM dapat direalisasikan dengan termeterainya perjanjian konsesi ini.

10. Menerusi perjanjain konsesi ini, Universiti bakal menyaksikan pembangunan:

- a) Kolej Kediaman Pelajar 10 tingkat sebanyak 5 blok termasuk pejabat pentadbiran asrama
- b) 5 unit kediaman Pengetua Asrama
- c) 10 unit kediaman Felo
- d) 1 unit Kafeteria 1,000 orang
- e) Kerja-kerja Infrastruktur Sokongan
- f) Kemudahan Gelanggang Sukan yang merangkumi:
 - ✓ 1 Gelanggang Futsal lengkap dengan pagar penghadang dan berlampa
 - ✓ 1 Gelanggang Non Competitive multipurpose bersaiz gelanggang futsal
 - ✓ 1 Gelanggang Bola Tampar lengkap dengan tiang dan jaring
 - ✓ 1 Gelanggang bola keranjang lengkap dengan tiang dan jaring

11. Pembangunan kolej kediaman ini bakal memberi sinar baru kepada para pelajar seterusnya memenuhi hasrat pihak Kementerian yang mensasarkan 70% bilangan pelajar mendiami kolej kediaman dalam kampus.
12. Dengan lengkap terbina bangunan akademik, asrama pelajar, bangunan sokongan dan gunasama serta tersedia kemudahan infrastruktur asas maka usaha untuk memantap pembangunan fizikal Kampus Induk, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dapat direalisasikan dan dicapai berlandaskan Pelan Induk Pembangunan Fizikal Universiti sebagaimana yang dirancangkan awal.

13. Akhir kata saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Agensi Pusat khususnya Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Pengurusan Tertinggi Universiti dan mereka-mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung serta Syarikat Nadi Cergas Sdn. Bhd. dalam menjayakan impian dan hasrat UTeM dengan menatijahkan terlaksanannya perjanjian ini. Semoga segala usaha dan hasrat murni tuan-tuan ini mendapat keberkatan Allah SWT.

Sekian, saya akhiri ucapan ini dengan wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum wrt. wbt.